



JANUARI - APRIL

BIL : 1 / 2024

ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE
untuk muat turun
Buletin PPANS

BULETIN PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR
D.K., D.S.M., D.K. PERANG, D.K. PERUB, D.K. BELANGOR, D.K. KESAH,
D.K. MELANTAN, D.K. LAGORI, D.K. TERENGGANGU, D.K. PAU, M.L.



DAULAT TUANKU HARI KEPUTERAAN KE-76

DYMM YANG
DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS
TUANKU MUHRIZ IBNI
ALMARHUM TUANKU
MUNAWIR
14 JANUARI 2024



SETINTA KATA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,

Salam Negeri Sembilan Bersih . Muafakat . Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 1/2024 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekali gus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna malahan peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat umur dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya di Negeri Sembilan.

Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	SIDANG EDITORIAL
SIDANG EDITORIAL PPANS	02	PENAUNG YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
LENSA PENGARAH	03	PENASIHAT HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04	KETUA PENGARAH HAMDAN BIN HAJI NORDIN Timbalan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus
BUKU TERKINI PPANS	05	PENOLONG KETUA PENGARAH SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID Ketua Unit Korporat, PPANS
MAJLIS SEPETANG BERSAMA DATO' SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL	06	GRUP BULETIN PPANS Unit Korporat , PPANS Unit Gerakan Membaca N.S Unit Perolehan Unit Media Unit Teknologi & Komunikasi Bahagian Pelanggan
HARI KEPUTERAAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN KE-76	07	PENGEDARAN DAN PROMOSI YUSRIZAL BIN ANI Unit Korporat PPANS
PROGRAM EVOLUSI PERPUSTAKAAN	08	REKABENTUK & PERCETAKAN PERCETAKAN CAHAYA MURNI
MAJLIS PELANCARAN BUKU "BAWAKU MENGEMBARA" INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJA MELEWAR	09	JURUFOTO UNIT MEDIA PPANS
PROGRAM BUKU DI HATI BERSAMA YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	10	DITERBITKAN OLEH UNIT KORPORAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
PROGRAM KASIH RAMADAN	11	
PROGRAM KASIH RAMADAN	12	
MAJLIS IFTAR RAMADAN	13	
HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN	14	
HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN	15	
WAGHIH MEMBACA	16-17	
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18-20	



3 | PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



5 JANUARI 2024
MAJLIS SEPETANG BERSAMA DATO' SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL ANJURAN BADAN KEBAJIKAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN PEGAWAJ KANAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, WAKIL RAKYAT DAN KETUA JABATAN WANITA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN (BAKRİYAH NS) DI GRAND BALLROOM, LEXIS HIBISCUS PORT DICKSON



11 JANUARI 2024
MAJLIS NEGERI SEMBILAN BERSELAWAT SEMPERNA HARI KEPUTERAAN KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI PADANG AWAM SERI MENANTI KUALA PILAH



15 JANUARI 2024
SEMARAK KASIH BERSAMA DYMM TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TUANKU AISHAH ROHANI BINTI ALMARHUM TENGGU BESAR MAHMUD SEMPERNA HARI KEPUTERAAN KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI DEWAN TUANKU AMPUAN NAJIHAH SERI MENANTI, KUALA PILAH



16 JANUARI 2024
PROGRAM EVOLUSI PERPUSTAKAAN SEMPERNA HARI KEPUTERAAN KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS ANJURAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DI DEWAN TUANKU AMPUAN NAJIHAH SERI MENANTI, KUALA PILAH



19 JANUARI 2024
MAJLIS SANTAPAN NEGERI SEMPERNA HARI KEPUTERAAN KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI KLANA RESORT, SEREMBAN



1 FEBRUARI 2024
PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) NIOSH MALAYSIA DI PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE), PORT DICKSON



5 FEBRUARI 2024
PROGRAM BUAL BICARA SECARA LANGSUNG BUKU DI HATI BERSAMA YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



26 FEBRUARI 2024
MAJLIS PELANCARAN BUKU BERTAJUK "BAWAKU MENGEMBARA" ANJURAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA KAMPUS RAJA MELEWAR (IPGKRM) DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



7 MAC 2024
MESYUARAT ACUNG PUSANITA YANG KE-41 DI DEWAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS), SEREMBAN



8 MAC 2024
MAJLIS SAMBUTAN IHYA RAMADHAN DAN PERSARAAN KAKITANGAN PPANS DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN



22 MAC 2024
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN KALI KE-5



4 APRIL 2024
PROGRAM #WORLD QURAN HOUR DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- Email: pac_jempol@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 71600 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
- Email: pac_jelebu@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Email: pac_pd@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Email: pac_kualapilah@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- Email: pac_tampin@nslibrary.gov.my
- No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- Email: pacgemas@gmail.com
- No. Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-415 3651

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 017-7950502

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Air Hitam
Kg. Baru Felcra Air Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanendesaaairhitam@gmail.com
No. Telefon: 06-4676099

Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: pdsertinghilir@yahoo.com
No. Telefon: 06-4683024

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanendesaserimenanti@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jekebu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jekebu, Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Felde Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Email: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email: hayati@mail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.
Email: pinsppans08@gmail.com
No. Telefon: 011- 2323 2868



BUKU TERKINI DI PPANS



Ungkapan Indah Untuk Penulisan
No. Panggilan : R 808.02 AZI
Bahagian : Rujukan
Harga : RM 11.90
Penerbit : Penerbit Ilmu Bakti Sdn. Bhd
Muka surat : 156 Muka Surat



Antologi Cerpen Yang Manis : Rumah Cinta
No. Panggilan : MF NOO
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 38.00
Penerbit : Manes Wordworks
Muka surat : 408 muka surat




Pengembaraan Empat Srikandi Cilik
No. Panggilan : MJF WAN
Bahagian : Kanak-Kanak
Harga : RM19.00
Penerbit : Kaseh Press
Muka surat : 172 muka surat



Almanak Islam: MUHARRAM Menyelusuri Sejarah Islam Dalam Setiap Peringkat Zaman"
No. Panggilan : KI 297.09 AMI
Bahagian : Koleksi Islam
Harga : RM 192.00
Penerbit : 3 Pearl I Resources
Muka surat : 118 muka surat



Muhammad Ali : Raja Dunia Wira Amerika
No. Panggilan : 796.83092 REM
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 70.00
Penerbit : IBDE Ilham Sdn Bhd
Muka Surat : 372 muka surat



No. Panggilan : 796.83092 REM
Bahagian : Pinjaman
Harga : RM 70.00
Penerbit : IBDE Ilham Sdn Bhd
Muka Sura : 372 muka surat
PENULIS : David Remnick

SINOPSIS:

"terbang bak kupu-kupu menyengat seperti lebah" kau tak dapat meninjau apa yang tak dilihatmu

Ada manusia yang mati tetapi abadi dan Muhammad Ali salah seorangnya. Bangkit dari kepayahan dan berkat usaha jerihnya, dia muncul sebagai peninju yang lasak di gelanggang. Angkuh, tangkas dan berbisa, setiap tingkah lakunya baik di dalam atau luar gelanggang sentiasa menjadi perhatian. Buku ini adalah riwayat hidup salah seorang susuk penting abad ke-20 dan menjadi bukti bahawa Ali seorang pejuang dan wira disegani. Muhammad Ali bukan cuma peninju handal. Hidupnya lebih daripada itu. Dalam buku ini, kita dibawa ke dunia perseteruan, Teknik bertinju, hak asasi manusia dan maruah kaum.

GLOSARI ADAT NEGERI SEMBILAN

MUNGKAL LUAK JEMPOL

Lembaga suku ini ialah Datuk Komo. Suku ini mempunyai tiga perut iaitu perut Pauh, perut Bintongan dan perut Keru. Buapak suku ialah Tuk Maharaja Lela (perut Pauh), Tok Baginda Kaya (perut Bintongan) dan Tok Sinda Maharaja (perut Keru). Besar suku terdiri daripada Tok Memperang (perut Pauh), Tok Laksamana (perut Bintongan) dan Tok Mangku (perut Keru). Suku ini juga mempunyai pusaka besar khas yang menjaga telapak suku di Kampung Bukit, bergelar Datuk Andatar.

Rujukan : Buku Glosari Adat Negeri Sembilan-Rujukan Lengkap Negeri Beradat



MAJLIS SEPETANG BERSAMA DATO' SERI KAK WAN ANJURAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN



5 Januari 2024 - Badan Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat dan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, Wakil Rakyat dan Ketua Jabatan Wanita Kerajaan Negeri Sembilan (BAKRIYAH NS) telah mengadakan Majlis Sepetang bersama Dato' Seri Kak Wan. Majlis yang berlangsung di Grand Ballroom Lexis Hibiscus, Port Dickson telah diserikan dengan kehadiran YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, isteri YAB Perdana Menteri Malaysia. Pertemuan tersebut telah disambut mesra oleh YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang Dipertua

BAKRIYAH NS dan YABhg. Dato' Seri Kak Wan telah mengeratkan silaturahim dan membuktikan keharmonian antara kesemua ahlinya. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa BAKRIYAH NS.





**UCAPAN TAHNIAH
SEMPENA
PENGANUGERAHAN
DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
SEMPENA HARI
KEPUTERAAN DYMM
YANG DI-PERTUAN
BESAR NEGERI
SEMBILAN KE-76**

14 Januari 2024 - DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah berkenan menyampaikan pengurniaan darjah kebesaran bintang dan pingat sempena hari keputeraan ke-76 DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir di Istana Besar Sri Menanti, Kuala Pilah. Seramai 473 penerima pingat darjah kebesaran, bintang dan pingat pada hari tersebut. Baginda telah berkenan mengurniakan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (S.U.N.S) yang membawa gelaran Dato' Seri Utama kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum juga telah berkenan mengurniakan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (D.P.N.S) kepada YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.



**YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
PENGANUGERAHAN DARJAH SERI UTAMA
NEGERI SEMBILAN (S.U.N.S)**



**YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap
Pengerusi PPANS
PENGANUGERAHAN DARJAH SERI UTAMA
NEGERI SEMBILAN (S.U.N.S)**





PROGRAM EVOLUSI PERPUSTAKAAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR

16 Januari 2024 - Kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi manfaat dan impak yang besar kepada perpustakaan. Komunikasi antara perpustakaan dan pengguna makin berkembang apabila media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok, Twitter digunakan sebagai medium terkini dalam menyebarkan maklumat-maklumat penting, promosi perkhidmatan serta kemudahan yang ditawarkan oleh perpustakaan.

Kesinambungan Program Revolusi yang diadakan pada tahun lepas menjadikan perpustakaan sentiasa terus berusaha agar tidak ketinggalan dengan kemunculan teknologi baharu bagi menarik minat generasi muda untuk datang ke perpustakaan di samping menikmati kemudahan perpustakaan yang disediakan.

Sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang ke-76, Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah telah mengadakan Program Evolusi Perpustakaan bertempat di Dewan Tuanku Ampuan Najihah Seri Menanti. Program ini diadakan sebagai program tahunan di daerah Kuala Pilah sempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bagi mendedahkan masyarakat luar dengan prasarana terkini perpustakaan dengan membawa bahan-bahan digital dalam program tersebut.

Pelbagai pengisian program dan aktiviti telah dilaksanakan antaranya:

- Pertandingan Kids Magical Fingers
- Pertandingan E-sport
- Pertandingan Simulator
- DIY Maker
- 3D Wall Contest





MAJLIS PELANCARAN BUKU BERTAJUK "BAWAKU MENGEMBARA" ANJURAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA KAMPUS RAJA MELEWAR (IPGKRM)

26 Februari 2024 – Pelancaran Buku "Bawaku Mengembara" terbitan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar (IPGKRM), Seremban dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Zaidi bin Ishak, Pengarah IPGKRM. Projek penerbitan buku ini hasil kerjasama dengan Universitas Andalas (UNAND), Indonesia.

Majlis yang penuh bermakna ini telah diadakan di Pentas Utama, Perpustakaan Negeri, Seremban 2 yang dikelolakan sendiri oleh para pelajar IPGKRM. Turut hadir sama, YBhg. Dr. Mazlan bin Aris sebagai penceramah jemputan, YBhg. Encik Mohamad Zaidi bin Ishak, Pengarah IPGKRM, YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dr. Noziati binti Borhan, Ketua Jabatan JPPI, IPGKRM, Encik Asrul bin Affendi, wakil Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan.





PROGRAM BUKU DI HATI

BERSAMA YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

KELAB PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK NEGERI SEMBILAN

PROGRAM BUAL BICARA SECARA LANGSUNG

Buku di Hati

bersama

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

FACEBOOK PAGE RASMI
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN
5 MAC 2024 (SELASA) | 11.15 PAGI

5 Mac 2024 – Program Buku Di Hati secara langsung menerusi platform Facebook Live Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bertempat di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan menjadi tetamu jemputan khas bagi bual bicara bagi sesi kali ini. Program yang mendapat kerjasama dari Kelab Pegawai Tadbir dan Diplomatik Negeri Sembilan (PTDNS) dengan kehadiran seramai 60 orang telah bersama-sama mengikuti program ini secara fizikal. YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS telah menyampaikan sumbangan sebanyak 100 buah buku pelbagai tajuk daripada PPANS kepada Kelab PTDNS.





**PROGRAM
KASIH
RAMADAN**
ANJURAN
PERBADANAN
PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI
SEMBILAN DENGAN
KERJASAMA JABATAN
KERAJAAN DAN
SWASTA TAHUN 2024

1 April 2024 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan meneruskan kesinambungan Program Kasih Ramadan 2024 di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program ini bertujuan membantu memperkuat ikatan sosial dalam masyarakat dengan memperlihatkan empati dan kepedulian terhadap sesama insan, mendorong rasa solidariti dan saling membantu dengan memberi keperluan asas untuk menjalani bulan Ramadan dengan lebih baik dan sebagai persiapan hari raya puasa yang bakal menjelang tiba kepada golongan yang memerlukan. Sumbangan telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan isteri, YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof yang juga Yang Dipertua BAKRIYAH NS. Turut hadir sama iaitu YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YBhg. Datin Suriani binti Yahya, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan, YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Ahli Lembaga PPANS, Ketua-ketua dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

1. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS)
2. NIOSH Malaysia
3. Telekom Malaysia Berhad
4. Tenaga Nasional Berhad
5. Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)
6. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Negeri Sembilan (LPPKN)
7. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
8. BAKRIYAH Negeri Sembilan
9. PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan
10. Persatuan Kontraktor Buku Malaysia





PROGRAM KASIH RAMADAN
ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA TAHUN 2024





MAJLIS IFTAR RAMADAN

PERBADANAN
PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI
SEMBILAN TAHUN
2024

1 April 2024 – Bersempena dengan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA PPANS) telah melaksanakan Majlis Iftar Ramadan bertempat Restoran Meq Nor Kitchen, Jalan Labu, Seremban. Acara tahunan yang dijalankan ini mempunyai objektifnya iaitu merapatkan persaudaraan dan kebersamaan melalui perkongsian rezeki sekali gus dapat bersama-sama berbuka puasa selain mendekati dan menyantuni kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Majlis dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS.





PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN :

JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT DAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024 ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

23 April 2024 - Kemeriahan suasana bersempena Hari Terbuka Perpustakaan: Jom Baca Bersama untuk 10 Minit dan Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024 anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dimanfaatkan sepenuhnya di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Pada tahun ini, PPANS telah menggabungkan Hari Terbuka Perpustakaan bersama Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit. Objektifnya adalah bagi menggalakkan orang ramai untuk datang berkunjung ke perpustakaan bagi menikmati kemudahan yang ditawarkan sekali gus menjalankan kempen galakan membaca kepada semua peringkat umur.

Pelbagai pengisian aktiviti dan program dijalankan antaranya pameran Jabatan dan Swasta, Bengkel Inovasi oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Pertandingan Pembaca Berita Kanak-kanak anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan, Pameran Robotik, jualan buku-buku terkini, permainan e-sport, jualan Food Truck, Khidmat Nasihat Pembaca, Pameran dan rawatan pergigian, Program Kenali Koleksi Negeri Sembilan dan pelbagai aktiviti ceria santai.

Kehadiran YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri besar Negeri Sembilan bersama isteri YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof turut menyeronokkan lagi suasana dengan sesi bercerita bersama pelajar-pelajar sekolah sempena Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit seterusnya merasmikan program tersebut. Hadir sama, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi PPANS, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, YB Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Faudzinaim bin Hj. Badarudin, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, YBrs. Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS, YBrs. Dato' Dr. Hj. Roslan bin Hussin, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, Ketua-ketua Jabatan dan Wakil Jabatan Negeri dan Persekutuan serta Pegawai-pegawai Pendidikan Negeri dan Daerah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Penglibatan dari pelbagai sekolah di Negeri Sembilan secara fizikal dan dalam talian yang melibatkan pelajar dan guru sekolah telah memeriahkan program.







WAGHIH MEMBACA

Penerapan budaya membaca dalam kalangan masyarakat tanpa mengira faktor usia akan dapat memastikan kemampan tabiat membaca dan penerusan budaya untuk generasi yang berikutnya. Secara amnya individu yang berpengetahuan ini akan dapat menjadi asas kepada masyarakat selain memanfaatkan ilmu dalam aktiviti harian. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) khususnya giat melakukan pelbagai promosi dan aktiviti galakan membaca.







PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



4 JANUARI 2024

PERHIMPUNAN
PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN 2024

DI PEKARANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI,
WISMA NEGERI, SEREMBAN

14 JANUARI 2024

MENGHADIRI ISTIADAT
PENGURNIAAN DARJAH
KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT

SEMPENA HARI KEPUTERAAN
KE-76 DYMM YANG DI-PERTUAN
BESAR NEGERI SEMBILAN,
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM
TUANKU MUNAWIR DI BALAIRONG SERI,
ISTANA SERI MENANTI



23 JANUARI 2024

BERSAMA DELEGASI
KERAJAAN NEGERI
SEMBILAN MENGADAKA
SESI LAWATAN KERJA
KE MY5G PORTAL

DI MENARA EXCHANGE
106, KUALA LUMPUR

2 FEBRUARI 2024

MERASMIKAN
PERTANDINGAN
TULISAN
KALIGRAFI CINA 2024

DI SEKOLAH TINGGI
CHUNG HUA SEREMBAN.





PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



19 FEBRUARI 2024

SERAHAN SUMBANGAN ZIARAH KASIH MADANI DAN BACK TO SCHOOL MADANI 2024

YANG DISEMPURNAKAN OLEH PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN (PPNNS) BERSAMA KOLABORASI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BERSAMA SYARIKAT COCA COLA (M) SDN. BHD. DI BILIK DATO KLANA PETRA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS) FOREST HEIGHT, SEREMBAN

22 FEBRUARI 2024

MENGHADIRI MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT NEGERI

DI DEWAN BESTARI, AYER KEROH, MELAKA



4 MAC 2024

MENYEMPURNAKAN MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN SMART AI CONTAINER

DIANTARA MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN (PEMERBADANAN) DENGAN SYARIKAT MIDPORTS HOLDINGS SDN. BHD DI DICKSON BAY, PORT DICKSON

14 MAC 2024

MAJLIS PEMUKTAMADAN PEMBINAAN 27 MENARA TELEKOMUNIKASI BAHARU PELAN JALINAN DIGITAL NEGARA (JENDELA) FASA 1 NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

OLEH EDOTCO MALAYSIA SDN BHD. DI KAMPUNG RAMBAI BARIS, JELEBU.





PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



22 MAC 2024

MERASMIKAN PENUTUP MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN KALI KE-5

DI DEWAN THEATRETTE, SEREMBAN

5 APRIL 2024

MAJLIS BERBUKA BERSAMA MASYARAKAT DI SEKITAR PARLIMEN JELEBU DAN DUN PERTANG

DI MASJID QARYAH KAMPUNG KERANGAI, JELEBU



19 APRIL 2024

MENGHADIRI KE RUMAH TERBUKA AIDILFITRI ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

DI DATARAN PERPADUAN JABATAN PENDIDIKAN

23 APRIL 2024

PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN BERSAMA-SAMA PELANCARAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT DAN DEKAD MEMBACA

KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024 DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2

